

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Oktober/November 1991

PLG 416 - Kaedah Mengajar Geografi II

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan.

1. Bincangkan bagaimana kurikulum geografi Tingkatan Enam kini dapat diubahsuai, diperkembangkan atau diperkukuhkan supaya berfungsi sebagai lanjutan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, serta merupakan persediaan bagi melayakkan murid-murid memasuki peringkat Universiti.
2. Bincangkan Konsep Kesepaduan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menekankan asas-asas pengajaran pembelajaran seperti pemerolehan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, penggunaan bahasa serta pemupukan dan penerapan nilai-nilai intrinsik matapelajaran Geografi. Gunakan contoh-contoh yang spesifik dari Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah (Tingkatan 1 - 5) bagi menguatkan lagi hujah anda.
3. Bagaimanakah seorang guru geografi dapat menilai sejauhmana murid-muridnya telah memperoleh dan menguasai konsep-konsep dan kemahiran geografi. Bincang, dengan merujuk kepada Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).
4. Bincangkan kedudukan matapelajaran geografi Tingkatan Enam dalam Era Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan dalam konteks Wawasan 2020.
5. Cadangkan bagaimana seorang guru geografi dapat memupuk dan memperkembangkan potensi kreatif dan kritis murid-muridnya melalui pengajaran pembelajaran Geografi Tingkatan Enam.

- oooOooo -

